

23 NOV 1999

Ling-Lim

LIM AH LEK BERSARA BUKAN KERANA TIDAK SENANG HATI

IPOH, 23 Nov (Bernama) -- Keputusan Naib Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek untuk bersara daripada politik bukan kerana beliau tidak senang hati dengan parti, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Dr Ling berkata, keputusan Lim untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov ini, menunjukkan beliau (Lim) pemimpin yang baik dan sanggup berundur semasa di puncak kerjayanya.

"Ini bukan keputusan yang mudah. Seorang yang berpengalaman dan terlatih berundur di puncak kerjayanya," kata beliau semasa sesi soal jawab bersama rakyat di sini, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan buku "Menguruskan Bagi Masa Depan" oleh Peter Drucker, seorang pemimpin bukan sahaja memimpin tetapi melatih dan menampilkan barisan pemimpin berikutnya.

"Lim telah melatih orang-orangnya untuk mengambil alih daripadanya.. dan telah berjaya memastikan peralihan berlaku dengan lancar dan bukan kerana tidak senang hati."

Menjawab satu lagi soalan, Dr Ling berkata dalam Barisan Nasional (BN) sudahpun ada hieraki menggantikan seseorang pemimpin jika apa-apa berlaku kepada kepimpinan yang sedia ada.

"Dalam BN, kita tidak bergantung kepada seseorang sahaja. Dengan hieraki ini, akan ada peralihan kuasa secara licin," kata beliau apabila ditanya sama ada BN terlalu banyak bergantung kepada seorang sahaja pemimpin iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata: "Hieraki kepimpinan bukan sahaja terdapat dalam Umno, tetapi juga dalam MCA, MIC, Gerakan dan semua parti komponen BN.

Oleh itu tidak akan berlaku kekosongan dalam kepimpinan apabila tiba masanya bagi pemimpin-pemimpin baru mengambil alih daripada pemimpin-pemimpin kanan, kata beliau.

Dr Ling berkata, dalam Umno, terdapat Timbalan Presiden dan tiga naib presiden yang dilatih untuk mengambil alih pucuk kepimpinan parti apabila tiba masanya.

Beliau berkata, walaupun Dr Mahathir sudah berusia 74 tahun, beliau kelihatan macam 55 dan bekerja macam berusia 40 tahun, dan masih mampu memerintah negara dengan cemerlang.

"Beliau sihat, pemikirannya baik, berpengalaman dan berpandangan jauh. Oleh itu keperluan untuk mengubah pucuk pimpinan tidak perlu," kata beliau.

-- BERNAMA.

HK PR